PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
ARAS 3, PRESINT 3
PALACE OF JUSTICE
62506 PUTRAJAYA

Telefon: *03-8880 3500*
03-8880 3700
03-8880 3900
03-8880 4100
Faks : *03-8888 4522*

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami: (68) JK (02) 105/3 Jld 2
Tarikh: 15 Februari 2005

Semua Pegawai dan Kakitangan
Mahkamah Persekutuan / Mahkamah Rayuan

Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan,

LARANGAN MEROKOK DI PREMIS KERAJAAN

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan peraturan 11 (1) (h) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (Peraturan-peraturan itu) memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh merokok di dalam mana-mana premis kerajaan. Peraturan 11 (3) pula memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

2. Dalam laporan akhbar New Straits Times bertarikh 26 Januari 2005 terdapat aduan merokok di kafeteria Palace Of Justice. Sehubungan dengan itu Pejabat Kesihatan Putrajaya akan mengadakan lawatan pemeriksaan secara mengejut dari masa ke semasa di premis Palace Of Justice.

3. Bagi mematuhi peraturan 12 (1) (b) Peraturan-peraturan itu yang berbunyi "Tuan punya atau penghuni premis atau tuan punya kenderaan yang disebut dalam peraturan 11 hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa tiada seorang pun merokok di dalam premis atau kenderaan itu", Y.Bhg. Dato' / tuan / puan adalah dikehendaki untuk tidak merokok di premis Palace Of Justice.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
(Yang Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia)
Putrajaya

s.k.:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Palace Of Justice
Putrajaya

Penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa dilarang

8. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa hasil tembakau kepada orang belum dewasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Rokok hendaklah dijual dalam paket yang belum dibuka

9. (1) Semua rokok hendaklah dijual dalam suatu paket yang belum dibuka yang mengandungi sekurang-kurangnya dua puluh batang rokok.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Mesin layan diri bagi hasil tembakau dilarang

10. (1) Tiada seorang pun boleh menempatkan, atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan suatu mesin layan diri bagi hasil tembakau di dalam mana-mana premis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

BAHAGIAN IV

LARANGAN MENGENAI MEROKOK

Tempat dilarang merokok

11. (1) Tiada seorang pun boleh merokok—

(a) di dalam mana-mana pusat hiburan atau teater, kecuali mana-mana pub, disko, kelab malam atau kasino, pada bila-bila masa apabila tempat itu dibuka kepada orang awam;

(b) di dalam mana-mana hospital atau klinik;

(c) di dalam mana-mana lif atau tandas awam;

(d) di dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin;

(e) di dalam mana-mana kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam;

(f) di dalam mana-mana bangunan yang dinyatakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah peraturan 22;

(g) di dalam mana-mana lapangan terbang;

(*h*) di dalam mana-mana premis kerajaan;

(*i*) di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman atau persendirian;

(*j*) di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;

(*k*) di mana-mana kawasan di dalam suatu taman asuhan kanak-kanak;

(*l*) di dalam mana-mana bas sekolah;

(*m*) di mana-mana tingkat yang mempunyai kaunter perkhidmatan di dalam bangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

(*n*) di dalam mana-mana kompleks membeli-belah;

(*o*) di mana-mana kawasan di dalam suatu stesyen minyak;

(*p*) di mana-mana kawasan di dalam suatu stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium;

(*q*) di dalam mana-mana bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;

(*r*) di mana-mana kawasan di dalam suatu perpustakaan; atau

(*s*) di mana-mana kawasan di dalam suatu kafe internet.

(2) Walau apapun subperaturan (1), Menteri boleh, apabila permohonan dibuat, meluluskan mana-mana kawasan sama ada secara tetap atau bagi tempoh yang ditentukan olehnya sebagai kawasan merokok.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Tanggungjawab tuan punya, dsb., premis atau kenderaan

12. (1) Tuan punya atau penghuni premis atau tuan punya kenderaan yang disebut dalam peraturan 11 hendaklah pada setiap masa—

(*a*) mempamerkan suatu tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga berkenaan dengan larangan merokok di mana-mana bahagian yang mudah dilihat pada premis atau kenderaan itu; dan

(*b*) memastikan bahawa tiada seorang pun merokok di dalam premis atau kenderaan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(*a*) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(*b*) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

NST 26/1/05

■ SMOKING

No smoking rules not heeded in court cafeteria

ON several occasions I have walked back to my office, after finishing my lunch at the cafeteria at Putrajaya's spanking new court of law, the Palace of Justice, fuming with anger over having to breathe in an atmosphere filled with cigarette smoke.

I tried unsuccessfully to prevent smokers from lighting up there.

First, this cafeteria is the Cafeteria Mahkamah Persekutuan Malaysia. If the name does not signify something where rules are upheld, then can somebody in the Federal Court of Malaysia enlighten me as to how the system works?

As I recall, this is a government building, and the rules are "no smoking".

Then the cafeteria is a public space, so again no smoking. Why are people still smoking in these areas and, worse, have displaying a blatant disregard for the law in the premises of the court of law itself?

Strangely, I heard from some patrons there were incidents where enforcement officers from the local authority, in their uniforms, happily joined in the cigarette lighting-up ceremonies.

I know it is indeed hard for smokers to stop smoking. I was a smoker for 15 years myself.

The best decision I've ever made in my life is still the decision to stop smoking. I am now well aware that the stuffiness of air filled with cigarette smoke is really annoying and the smell of the smoke is extremely irritating.

AZHAR OTHMAN
Putrajaya